

08 JUL 2002

Senjata-Tahan

TIGA LELAKI MILIKI SENJATA TEMBAK IKAN DITAHAN

KUALA TERENGGANU, 8 Julai (Bernama) -- Tiga lelaki ditahan bersama tiga laras senapang, yang digunakan untuk menembak ikan, semasa tiba di jeti Dungun setelah bercuti di Pulau Tenggol di perairan Dungun selama empat hari semalam.

Ketua Polis Terengganu SAC I Othman Talib berkata mereka bertiga masing-masing berumur 38, 39 dan 47 tahun berasal dari Kuala Lumpur telah pergi bercuti selama empat hari di pulau berkenaan sambil memburu ikan.

Mereka ditahan hasil maklumat dari orang awam, katanya ketika ditemui pada majlis makan malam meraikan Kadet Polis Kontinjen Terengganu.

Othman berkata ketiga-tiga lelaki itu kini ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun untuk siasatan mengikut Seksyen 3 (1) Akta Senjata Api 1960.

Beliau mengingatkan orang ramai yang ingin menggunakan senjata berkenaan tujuan memburu ikan supaya mengambil lesen seperti lesen senjata api.

Othman juga berkata polis Terengganu tidak menerima sebarang laporan mengenai ucapan Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah, Mohamad Sabu, pada satu ceramah di Kampung Limbungan, Kuala Besut, pada Mac lepas yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak boleh siasat jika tiada laporan dibuat, dan kalau ada laporan dibuat, kita akan siasat dan teliti ucapan pada ceramah yang diadakan itu," katanya.

Sejak beberapa hari lepas, RTM telah menyiarkan sedutan ucapannya pemimpin Pas itu yang antara lain menyifatkan Dr Mahathir seorang yang gila dan "haprak" dan tidak layak menjadi pemimpin.

-- BERNAMA

TAJ MRA MAI